

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :

- a) mengapakah MyHiJAU menyokong kertas pejabat yang diperakui PEFC yang dihasilkan oleh pengeluar Indonesia yang terlibat dalam penebangan hutan; dan
- b) adakah pihak Kerajaan akan bersetuju untuk hanya mengiktiraf kertas yang diperakui oleh FSC yang diiktiraf oleh WWF.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Merujuk kepada soalan yang pertama (a), Skim Pengiktirafan MyHIJAU Mark adalah program yang dilaksanakan oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre* (MGTC), agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), telah memperaku 'Programme for the Endorsement of Forest Certification', dengan izin, (PEFC) di dalam kelayakan pendaftaran MyHIJAU Mark kerana skim ini mematuhi pensijilan pengurusan hutan secara mampan (*Forest Stewardship- Chain of Custody*) di bawah Standard PEFC ST 2002:2020 (*Chain of Custody of Forest Based Products – Requirements*) serta Standard PEFC ST 1003:2018 (*Sustainable Forest Management*). Pensijilan ini juga telah diluluskan oleh Majlis Pensijilan Perakayuan Malaysia (MTCC) yang mengendalikan Skim Pensijilan Perakayuan Malaysia (MTCS) bermula pada

Oktober 2001 bertujuan untuk mengatasi isu dan permasalahan tentang pengurusan perhutanan tropika termasuk di negara Malaysia.

2. Semua produk hijau yang berdaftar di bawah pengiktirafan MyHIJAU Mark telah dibahagikan kepada empat kategori mengikut pematuhan standard alam sekitar seperti dibawah:

- (i) **KATEGORI SATU** : Skim pelabelan hijau atau alam sekitar yang telah mematuhi standard ISO 14024 (Eko Label Jenis Pertama). **Contoh:** SIRIM Eco Label (Malaysia), Germany Blue Angel, Thai Green Label, Environmental Choice Australia, Korean Eco Label dan Ramah Lingkungan Indonesia.
- (ii) **KATEGORI DUA** : Skim pelabelan hijau atau alam sekitar yang telah mematuhi standard ISO 14025 (Eko Label Jenis Ketiga). **Contoh:** SIRIM Product Carbon Footprint Label (Malaysia), Thailand's Carbon Footprint Reduction Label, Korea Carbon Footprint Label dan Taiwan Product Carbon Footprint Reducing Label.
- (iii) **KATEGORI TIGA** : Skim pelabelan hijau atau alam sekitar yang telah diiktiraf sebagai *Other Type I-Like Voluntary Sustainable Scheme (VSS)* , dengan izin. **Contoh:** Minimum Energy Performance Standard (ST), Water Efficient Products Labelling Scheme (SPAN), Forest Stewardship Council (FSC) dan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) , dengan izin.
- (iv) **KATEGORI EMPAT** : Pematuhan Prestasi Piawaian (*Performance Standard Compliance*) yang berkaitan dengan kriteria alam sekitar. **Contoh:** MS 2413:2011 (P) Spesifikasi Motosikal Elektrik Bahagian 3 (Ujian Prestasi)

3. Dengan mengambil kira pertimbangan seperti dinyatakan di atas, pihak MGTC telah memperakukan produk berkenaan dengan pensijilan MyHijau tersebut.

4. Merujuk kepada soalan yang kedua (b), Di bawah program pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement*; GGP) yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Garis Panduan GGP 3.0 yang dibangunkan tahun ini oleh MGTC adalah termasuk 40 kumpulan produk yang meliputi pembelian bekalan kertas pejabat kepada kesemua Kementerian dan Agensi di Kerajaan Persekutuan.

5. Di dalam penyediaan dokumen tender atau sebutharga pembelian bekalan kertas pejabat, ia perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) mempunyai kriteria kandungan kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM (*Recycled Paper*) dan memperolehi pensijilan Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.; atau
- (ii) mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan (*Forest Stewardship- Chain of Custody*) dan memperolehi pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia; atau
- (iii) mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan (*Forest Stewardship- Chain of Custody*) dan memperolehi pensijilan *Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)* yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council atau yang setara dengannya.

6. Oleh yang demikian, melalui prosedur dan kriteria penyenaraian ke dalam senarai MyHijau, MGTC telah mengiktiraf bekalan kertas pejabat yang mengandungi bahan kitar semula atau/dan dari sumber pengurusan hutan secara mampan serta memperolehi pensijilan FSC, PEFC atau Label Eko Jenis Pertama (seperti Label Eko SIRIM) di dalam aktiviti pembelian bekalan kertas pejabat.

Sekian, terima kasih.